

BRITISH TELAH BERTINDAK SECARA NEGATIF

UM 18 AUG 1982

S telah berlalu sejak Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, mengeluarkan satu arahan jangan membeli barang-barang British. Di dalam satu temuramah awal Ogos lalu Datuk Sri Dr. Mahathir mengesahkan bahawa arahan tersebut tetap berkuatkuasa.

Lebih membimbangkan lagi bagi para pengeksport British ke Malaysia ialah apabila beliau memberi amaran bahawa terserahlah kepada pengakuan berterus terang dari Britain, menukar sikap perdagangannya sekiranya arahan itu hendak ditarik balik.

Sehingga ini, nasihat diplomatik kepada para pengeksport British ialah supaya bertenang menunggu bagi perkara itu menjadi reda dengan sendirinya. Datuk Sri Dr. Mahathir mengakui bahawa pendekatan ini mungkin menyebabkan

Laporan David Dodwell
Wartawan Financial Times of London

David Dodwell baru-baru ini berada di Kuala Lumpur untuk menemuramah Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengenai sekatan yang dikenakan ke atas eksport barang-barang British.

satunya pengganti ialah mengambil kontrak British. Bolehkah Datuk Sri menjelaskan perkara ini?"

Dr. Mahathir: "Terlebih dahulu ini adalah satu arahan yang melibatkan hanya pembelian kerajaan. Membebankan arahan yang lurus sememangnya cukup mudah, tetapi memberikan pentafsiran arahan itu dalam keadaan yang berlainan adalah sukar bagi kakitangan awam yang mengambil arahan tersebut. Kerana itu kadang kala terdapat kesalahpahaman tafsiran.

Bagaimanapun boleh dikatakan arahan kami itu telah cukup nyata. Sekiranya ada barang-

lagi dibeli oleh syarikat-syarikat di negara kami.

Dodwell: "Kerajaan dan para ahli perniagaan British kini tidak pasti bagaimanakah langkah balas yang sebaiknya mereka ambil, sebahagiannya kerana mereka tidak pasti apakah sebab asal yang dikeluarkan arahan itu. Adakah kerana sebab-sebab tertentu seperti bertambahnya yuran kepada para pelajar Malaysia, atau kerana masalah hak mendarat (bagi MAS), atau kerana kesalahan diplomatik? Atau adakah ia merupakan satu usaha memberikan satu contoh kepada dunia luar bahawa Malaysia tidak

yang diikuti oleh tuduhan adanya pemilikan negara, dan kemudian perubahan pada peraturan di Majlis Pasaran Saham London. Itulah bagi kami perkara yang melewati batasan kami. Tuduhan berulang kali ini bahawa kami memiliknegerakan syarikat, adalah keterlaluan sedangkan sebenarnya kami hanya membeli sebuah syarikat.

"Sesiapa jua boleh membeli sesebuah syarikat yang dikemukakan untuk dijual. Itulah sebenarnya apa yang kami lakukan. Kami telah membeli mengikut peraturan. Ketika itu peraturan membolehkan pembelian saham besar-besaran, dan dengan itu kami telah membelinya secara besar-besaran semata-mata kerana cubaan sebelumnya membeli di pasaran saham telah digagalkan oleh berbagai putar belit oleh para pengurus (Guthrie), yang lebih berminat (pada mengelakkan

kita mengharap dasar ini akan ditarik balik?"

Dr. Mahathir: "Kerana tindakan (British) yang mencetuskan sengketa itu adalah satu perkara yang berlaku dengan tiba-tiba, saya rasa perubahan yang dilakukan agak tiba-tiba juga, iaitu penarikan dasar British akan kami sedari dengan mudah. Jika kemampuan kami menyedari perubahan sikap anda adalah terlalu perlahan, buat sementara waktu, dasar tersebut tetap berkuatkuasa dan anda akan kehilangan pasaran yang sukar ditebus, biarpun kami menukar dasar kami kemudiannya."

RW BRITISH LAST
POLICY.

Scanned by

kerugian besar kepada para ahli perniagaan British.

Malaysia telahpun mendapati sumber pengganti bagi barangan British dan semakin lama sengketa ini dibiarkan berlarutan, semakin kurang kemungkinannya Britain mendapat semula pasaran yang pernah menguntungkannya.

Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, yang melahirkan kebimbangannya, berkata berpuluh juta paun keluaran British telah tidak dapat dieksport setakat ini kerana arahan Datuk Sri Dr. Mahathir tersebut.

Dodwell: "Banyak kekeliruan telah terjadi mengenai arahan tersebut. Saya telah diberitahu bahawa arahan itu masih lagi berkuatkuasa, bahawa tender-tender, termasuk kontraktor-kontraktor British masih tiba di meja Datuk Sri untuk dipertimbangkan dan perlu mendapat kelulusan langsung oleh Datuk Sri. Saya juga telah diberitahu bahawa Datuk Sri bukan hanya akan memilih sebuah kontrak yang lain sekiranya terdapat pilihan antara dua kontrak yang sama baiknya, tetapi akan menerima yang kedua baiknya sekiranya satu-

barang keluaran lain yang sama tarafnya atau kurang sedikit tarafnya, kami tetap akan membeli keluaran bukan British. Sekiranya perbezaan pada harganya katakanlah 5 peratus atau lebih, kami rasa mutu dan lain-lainnya sama maka kami masih akan membeli barang bukan British.

Bagaimana sekiranya harga barang British itu terlalu rendah, atau ada sebab-sebab lain (seperti kita telah menggunakan kelengkapan British buat beberapa lama dan tidak boleh menggunakan kelengkapan lain) kami masih akan membeli keluaran British.

Salah satu sebab kami masih terus membeli agak banyak juga barang British ialah, kerana nilai matawang pound telah jatuh berbanding dengan nilai ringgit. Semasa arahan ini dikeluarkan, nilai pound ialah kira-kira \$5.30 Malaysia. Kini nilai tukarannya ialah \$4.30 atau lebih sedikit.

Ini menjadikan harga barang-barang British cukup murah pada nilai matawang tempatan. Oleh itu anda (pengeluar British) dapat bersaing hebat di pasaran tempatan. Di sebalik arahan tersebut, sejumlah besar barangan British masih

mau diarah itu dan ini?

Sekiranya Datuk Sri ambil pentafsiran yang jelas tadi, maka terdapatlah gambaran langkah-langkah nyata yang sepatutnya diambil oleh kerajaan atau industri British. Sekiranya Datuk Sri mengambil yang terkemudian, maka sebaik-baik perkara ini dapat dilakukan hanyalah duduk diam sahaja dan England tidak akan tahu apakah langkah yang hendak diambil."

Dr. Mahathir: "Seperti kebanyakan perubahan dasar, tidak terdapat sebarang sebab tunggal sahaja. Terdapat banyak peristiwa atau dasar-dasar yang memburukkan keadaan dengan beransur-ansur. Keadaan ini lama kelamaan melewati batasan yang dapat kami terima.

"Kami telah mendapati bahawa selama beberapa tahun lalu, pihak British telah bertindak secara negatif yang tidak sewajarnya dalam berbagai cara. Saya boleh menyenaraikan banyak contohnya tetapi saya rasa ia tidak perlu, kerana semuanya telah menjadi sejarah.

"Saya rasa perkara yang melewati batasan kami ialah soal pembelian Syarikat Guthries,

pengambil-alihan) dan bukannya pada para pemegang saham sebenarnya kerana mereka (para pengurus) yang akan menanggung rugi. Mereka takut jawatan mereka terancam. Bukannya para pemegang saham yang akan rugi.

"Kerana mereka itu kami telah memutuskan bahawa kami telah cukup berlembut dan kami akan menunjukkan rasa tidak senang kami. Saya mesti mengatakan bahawa dibandingkan dengan apa yang telahpun dilakukan (terhadap kami) cara kami menunjukkan rasa tidak senang kami adalah terlalu kecil. Saya tidak fikir Britain menanggung banyak kerugian di segi perdagangan kerana dasar kami. Kerajaan bukannya pembeli terbesar barang keluaran British.

"Mengenai sama ada anda hanya duduk diam sahaja, kemungkinannya ialah anda akan pasti kehilangan (perniagaan) buat selama-lamanya. Sebaliknya, sekiranya anda memahami apa yang tidak kami persetujui, dan mengambil langkah mengatasinya, maka kami mungkin menarik balik dasar tersebut.

Dodwell: "Dapatkah